

PERSIDANGAN KALI YANG KEDUA  
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI KELANTAN  
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025

SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN  
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN MULUT

~~~~~

|        |            |       |
|--------|------------|-------|
| Pada : | 27 Muharam | 1447H |
|        | 23 Julai   | 2025  |

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :

1. YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM – GALAS

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapa buah GLC milik Kerajaan Negeri yang menunjukkan keuntungan sejak tiga tahun terakhir?

JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)

BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN

**2. YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD - GUAL PERIOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah strategi Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kebergantungan terhadap hasil tradisi seperti hasil hutan, lombong dan premium tanah?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

### **3. YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN – PANTAI IRAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan dalam merancakkan industri batik dan adakah kerajaan bercadang melalui GLC anak Syarikat Kerajaan membantu industri ini.

**JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)**

Kerajaan sentiasa menyokong pembuatan industri batik di Negeri Kelantan. Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) juga mempromosikan tempat pembuatan batik seperti Kampung Kota, Kampung Puteh dan Kampung Badang di sekitar Kota Bharu dan Kampung Talak, Tumpat dan sekaligus melihat sendiri proses menghasilkan batik.

Kerajaan Negeri juga pernah membawa demontsrasi pembuatan batik semasa program di luar Kelantan. sebagai contoh, Program MATTA FAIR, di MITEC, Kuala Lumpur, yang mana proses mencanting batik ditunjukkan kepada pengunjung termasuk pelancong dari luar negara. Aktiviti ini bukan sahaja menarik minat secara visual, malah memberi peluang pelancong menyertai *hands-on experience* yang meninggalkan kesan mendalam terhadap budaya Kelantan.

#### **4. YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD - MELOR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah kadar yang sepatutnya diterima setiap tahun oleh Kelantan bagi Pemberian bagi Penyenggaraan Jalan Negeri yang dihitung mengikut Bahagian II Jadual Kesepuluh, Perkara 109 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, dan bilakah kali terakhir kadar ini disemak oleh Kerajaan Persekutuan serta berapa jumlah tahunan yang dibayar kepada Kerajaan Kelantan bagi tempoh 10 tahun terakhir.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**5. YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL – SALOR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status terkini pembaikan rumah pum kemubu?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Status terkini rumah pam Kemubu adalah seperti berikut:

**1. Pembinaan Stesen Pam Kemubu 3.**

Kemajuan dirancang : 88.1%  
Kemajuan sebenar : 64.83%  
Status kelewatan : Lewat 23.27%  
Traikh siap dijangka : Oktober 2025  
Isu utama : Penemuan batu hampar yang menyukarkan kerja-kerja pilling.

**2. Pembinaan Stesen Pam Mudah Alih di Stesen Pam Kemubu**

Kemajuan dirancang : **95%**  
Kemajuan sebenar : **47%**  
Status kelewatan : **Lewat 48%**  
Isu utama : Masalah kewangan dan pengurusan kontraktor.

Nota :

Isu ini telah dimasukkan dalam mesyuarat Contract Coordination Panel (CCP) untuk tujuan penamatan. Keputusan muktamad akan dibuat oleh pengurusan tertinggi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

**6. YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memperkasakan lagi agenda penghayatan hidup bersyariat di kalangan rakyat Kelantan?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Perancangan dan susun atur program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah bagi menangani gejala sosial di negeri Kelantan adalah dengan mengadakan siri Penerangan Undang-Undang Syariah. Program ini diadakan di sekolah-sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan dan juga sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Program ini turut diadakan di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta di masjid-masjid. Objektif utama adalah untuk mengwar-warkan kepada seluruh masyarakat berkenaan kesalahan sosial yang boleh dikenakan tindakan mengikut enakmen-enakmen yang dikuatkuasakan di negeri Kelantan. Antara kesalahan yang diketengahkan adalah, perbuatan tidak sopan, perbuatan khalwat, hamil luar nikah, tidak solat jumaat, makan dibulan Ramadhan dan lain-lain.

Selain itu adalah dengan mengadakan pameran dan kempen promosi "Menutup Aurat" di pasaraya-pasaraya, sekolah, masjid dan tempat-tempat awam sebagai langkah pertama mengelakkan remaja terjebak dengan gejala social, mengadakan program al-Mutaqqin secara kolaborasi bersama AADK dan Jabatan Parol. Program ini adalah bagi memotivasikan Orang Kena Pengawasan (OKP) untuk hidup bermasyarakat mengikut landasan agama, mengadakan rondaan dan pemantauan ditempat berisiko seperti pusat peranginan dan rehlah. Mengadakan operasi berkala "Opps Maksiat" di hotel-hotel dan melaksanakan tindakan segera ke atas maklumat yang diterima berkaitan.

**7. YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH - CHEMAKA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perkembangan terkini berkenaan prinsip 5K dalam gagasan bandaraya Islam di MPKB BRI. Adakah prinsip tersebut juga telah dikembangkan ke PBT-PBT lain dalam negeri Kelantan secara rasmi?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

5K (KAF) Melambangkan 5 Teras Kota Bharu Bandaraya Islam merujuk kepada lima aspek penting yang diutamakan dalam pembangunan dan pengurusan Bandaraya Kota Bharu yang berteraskan nilai-nilai Islam. Kelima teras ini adalah:

- i. Keilmuan - Menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang berlandaskan nilai-nilai Islam.
- ii. Kepatuhan - Memastikan pengurusan bandaraya berada dalam bidang kuasa dan undang-undang Islam.
- iii. Kebajikan - Menjaga kebajikan dan kesejahteraan penduduk dengan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan dan Islam.
- iv. Kebersihan - Memastikan kebersihan dan kehijauan bandaraya sebagai aspek penting dalam memelihara alam sekitar.
- v. Kesejahteraan - Memperkukuhkan kehidupan sosial dan ekonomi penduduk bagi mencapai kesejahteraan yang berteraskan Islam.

Sehubungan dengan itu, MPKB-BRI dari masa ke semasa sentiasa melaksanakan semakan dan penilaian perjalanannya bagi memastikan setiap tindakan menepati prinsip 5 Kaf tersebut. Sepanjang tempoh dari tahun 2005 hingga 2015, MPKB-BRI telah menyediakan pelaporan pencapaian pembangunan, dan kini sedang giat menyiapkan buku laporan dokumentasi 5 Kaf MPKB-BRI bagi tempoh 2016-2024 untuk dijadikan rujukan penting.

Dengan terhasilnya buku laporan dokumentasi ini, pihak kerajaan negeri boleh memperluaskan perbincangan bagi tujuan mengembangkan pelaksanaan prinsip 5 Kaf ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di seluruh negeri Kelantan.

Sebagai makluman, laporan dokumentasi 5 Kaf MPKB-BRI 2016-2024 ini ialah mengumpulkan apa yang MPKB-BRI laksanakan dan pencapaian yang telah dicapai berteraskan prinsip 5 Kaf bermula tahun 2016 hingga 2024.

Berikut adalah contoh apa yang dicapai dan dilaksana oleh MPKB-BRI berteraskan prinsip 5 Kaf dari tahun 2016 hingga 2024:-

**1. Keilmuan**

- a)MPKB-BRI mendapat anugerah 5 bintang tahun 2018, 2022 dan 2024 melalui Audit Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan.
- b)Program Hebahan kepada orang awam tentang pelaksanaan Kelulusan Pelan Bangunan 1 Hari. Melalui program ini MPKB-BRI mendapat Johan dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan (AISAK) bagi tahun 2018.
- c)MPKB-BRI meraih 5 bintang pada Penarafan Audit UMI Peringkat Negeri Kelantan tahun 2021 dan mendapat markah sebanyak 96.22% dari laporan Pengauditan Nilai tahun 2023.
- d)Mesej dakwah melalui media elektronik, media sosial dan bahan cetak (LED, FB, IG,Tiktok, Sepanduk, Banner dan pamplet).

**2. Kepatuhan**

- a) Penglibatan Rakan Strategik; inisiatif ini dilaksanakan semenjak tahun 2020 melibatkan program pembangunan ekonomi tempatan, peningkatan kualiti perkhidmatan bandar dan promosi budaya warisan tempatan secara bekerjasama dengan agensi, perbadanan dan komuniti setempat bagi mencapai 5 matlamat pembangunan mampan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk Kota Bharu.
- b) Pengasingan Akaun Halal dan Haram;
- c) Operasi Membenteras Kelakuan Tidak Senonoh, Aurat dan Kekotoran
- d) 25% Peruntukan MPKB untuk Program Kebersihan Bandar
- e) Penyediaan Fasad Islamik dipatuhi (RTMPKB dan RTJ-2023)
- f) Mesej Sivik Di Setiap Papan Iklan

**3. Melalui Kaf Kebajikan**

- a)Pengecualian Bayaran Lesen Di Musim Covid-19
- b)Sumbangan Gerai Dan Peralatan Perniagaan Percuma Kepada Ibu Tunggal, Asnaf Dan Peniaga-peniaga Yang Layak
- c)Kemudahan Kepada OKU dengan menyediakan Tempat Letak Kereta, Handrail, Tandas, Laluan Pejalan Kaki dan pembatalan kompaun.
- d)Pengecualian Cukai bagi bayaran RM50.00 ke bawah, penerima bantuan MAIK dan penduduk rumah Dhuafa' dan bantuan MAIK

e) Program Baik Pulih Rumah Dan Bina Baharu Rumah; kedua kategori ini adalah di bawah Bahagian Kesejahteraan Komuniti KPKT dimana melalui inisiatif MPKB-BRI, sehingga tahun 2024 ini sebanyak lebih 100 unit rumah dibaik pulih dan lebih 20 unit buah rumah baharu telah dilaksanakan.

#### 4. **Kebersihan**

- a) Jawatankuasa Naziran; diwujudkan jawatankuasa ini bagi penyeliaan kemudahan dan infrastruktur bidang pendidikan. Jawatankuasa ini membantu membudayakan Kualiti, Inovasi dan Kreativiti seperti ceramah kesedaran menjaga kebersihan di kalangan pelajar-pelajar sekolah.
- b) Penggredan Premis Makanan secara berperingkat-peringkat dan membuat semakan.
- c) MPKB-BRI meraih Naib Johan Pasar Awam PBT Kelantan Terbersih iaitu Pasar Tok Guru tahun 2019
- d) MPKB-BRI meraih Naib Johan Pasar Awam PBT Kelantan Terbersih iaitu Pasar Berek 12 tahun 2023
- e) MPKB-BRI meraih Johan Pasar Awam PBT Terbersih Peringkat KPKT iaitu Pasar Siti Khadijah tahun 2022

#### 5. **Kesejahteraan**

- a) Kempen Penanaman 100 Juta Pokok; mengadakan Bengkel Kawasan Hijau Bandar, penanaman 100 pokok rhu dan menggalakkan kewujudan kebun kejiranan.
- b) Zon Bersih Indah Ceria; dua zon telah diwujudkan iaitu Bandar Baru Kubang Kerian dan Bandar Baru Tunjung. Tahap kebersihan dapat ditingkatkan.
- c) Syarat Memasang CCTV di premis-premis terpilih sebagai syarat lesen
- d) MPKB-BRI telah mencapai status Bandar Mampan pada tahun 2023 dan 2024 dalam program pengukuran Bandar Mampan MURNInets.
- e) Mewujudkan Laman-laman Mural Graffiti melalui lukisan dinding seperti Laman Cakna Palestin dan Mural Persahabatan Kota Bharu dan Kasaoka.

## **8. YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN - SEMERAK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membina satu ekosistem bakat anak muda melalui program latihan kepimpinan , keusahawanan dan teknologi digital?

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam usaha membina ekosistem pembangunan bakat anak muda yang menyeluruh, selaras dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) dan pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI). Usaha ini dilaksanakan melalui Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) dengan pelbagai pendekatan strategik yang menjurus kepada latihan kepimpinan, pembangunan keusahawanan serta penguasaan teknologi digital.

### **1. Program Kepimpinan**

Melahirkan Generasi Kalis Masa Hadapan Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program latihan kepimpinan untuk membentuk generasi pemimpin muda yang dan berpandukan syariat Islam, antaranya: - Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) - Program teras kepimpinan masa hadapan yang digerakkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, bertujuan membina daya kepimpinan anak muda secara sistematik dan berstruktur. - Kelantan Future Leaders Camp, Bootcamp dan Academy - Latihan intensif yang menyasarkan pelajar sekolah, lepasan SPM dan mahasiswa dalam membina nilai-nilai kepimpinan rabbani, pemikiran strategik serta kefahaman terhadap tanggungjawab sosial dan kenegaraan. Setakat ini, program ini telah melibatkan 150 peserta bagi Kelantan Future Leaders Camp dan 139 peserta bagi Kelantan Future Leaders Bootcamp.

### **2. Pembangunan Keusahawanan**

Melonjak Potensi Anak Muda Menjadi Usahawan Selaras dengan aspirasi menjadikan belia sebagai pemangkin ekonomi negeri, beberapa program keusahawanan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, termasuklah: -Kelantan Startup (K-START 2.0) iaitu program yang dirancang untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia Kelantan. Program ini menyediakan platform bagi usahawan belia Kelantan untuk membentangkan idea perniagaan inovatif mereka, dengan matlamat memacu pertumbuhan ekonomi, menggalakkan inovasi, dan mewujudkan perniagaan yang mampan di negeri ini. K-Start bertujuan memperkasakan belia Kelantan serta meningkatkan ekonomi tempatan. InsyaAllah K-START 2.0 ini bakal dilaksanakan pada 8 & 9 September 2025, tahun ini. Sebanyak 50

peserta akan dipilih untuk menyertai pusingan pitching yang dijadualkan pada tarikh tersebut. -Usahawan Digital Belia Kelantan (Kelantan Youth Digitalpreneur) - kini dalam peringkat perangkaan, program ini akan memberi fokus untuk membangun bakat dan kompetensi anak muda dalam bidang usahawan digital, melalui cara pendekatan bimbingan untuk belia dalam memanfaatkan platform digital dan teknologi e-dagang untuk menjana pendapatan secara berdaya saing. Program ini mensasarkan 70 orang peserta setahun iaitu 5 orang dari setiap 14 kawasan parlimen setahun.

Program-program ini turut digerakkan secara kerjasama bersama agensi kerajaan, sektor swasta dan tokoh usahawan muda yang berjaya sebagai pemudah cara dan mentor didalam program ini. 3. Penguasaan Teknologi Digital Bagi memperkasa kemahiran digital anak muda Kelantan, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa inisiatif khusus termasuk: Kursus IT dan Digital - yang dijadualkan pada 22 dan 23 Julai 2025 memberi tumpuan khusus kepada penguasaan aplikasi media sosial TikTok, termasuk kemahiran menghasilkan kandungan kreatif, memahami algoritma untuk "naik FYP" (For You Page), serta strategi memaksimumkan capaian dan penglibatan audiens. Turut dimuatkan dalam kursus ini ialah teknik pengiklanan berbayar (ads), serta cara menjana pendapatan melalui program TikTok Affiliate dan TikTok Shop. Setakat ini, disasarkan seramai penyertaan seramai 25 orang peserta untuk menyertai kursus ini. Kursus ini memfokuskan kepada TikTok kerana fungsinya yang semakin meluas dalam kalangan belia sebagai platform pemasaran digital dan penjana pendapatan. Antara elemen penting yang diberi perhatian ialah bagaimana kandungan boleh dipaparkan di bahagian FYP, iaitu halaman utama TikTok yang memberi peluang kepada pengguna menjadi tular dan meraih capaian yang tinggi.

Kerajaan Negeri melihat ruang ini sebagai peluang strategik untuk menggalakkan anak muda menjana pendapatan sampingan secara sah dan kreatif, serta berpotensi untuk menjadikannya sebagai sumber pendapatan utama jika diusahakan secara serius. Kerajaan Negeri percaya bahawa pembangunan bakat anak muda memerlukan ekosistem yang terancang, inklusif dan bersinergi antara aspek kepimpinan, keusahawanan dan teknologi. Semua program-program ini disusun berlandaskan pelan tindakan yang kemas dan sistematik, iaitu berkonsepkan SOSTAC (Situation, Objective, Strategy, Tactic, Action, Control) agar lebih terarah dan berpanduan hasil (output dan outcome). Dengan izin Allah SWT, usaha ini diyakini dapat melahirkan generasi Al-Qawiyyul Al-Amin, iaitu belia yang cerdas, kompeten serta berpaksikan nilai Islam dalam mendepani cabaran masa hadapan dan memimpin negeri serta negara ke arah kegemilangan.

**9. YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS - PASIR TUMBOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Strategi Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil perhutanan, perlombongan dan premium tanah?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil perhutanan, perlombongan dan premium tanah, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dan mewujudkan polisi monetari melalui Enakmen-enakmen berkaitan sumber air dan hak akses utiliti. Berdasarkan rekod semasa, bagi kutipan hasil dibawah pelaksanaan Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan, sepanjang tempoh 2019 hingga 2024 berjumlah RM 16.4 juta melibatkan RM 12.6 juta bagi Royalti Air dan RM 3.8 juta daripada bayaran lesen telah menjadi hasil kerajaan Negeri. Manakala, di bawah Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan, kutipan hasil yang diperolehi bagi tempoh 2022 hingga Jun 2025 sebanyak RM 12.1 juta melibatkan perkhidmatan berkaitan telekomunikasi, menara, audit menara, pembentongan, air dan elektrik. Bagi inisiatif dibawah pertanian, kerajaan negeri turut mewujudkan Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri 2022 dan kini diperingkat penyelarasan pelaksanaan dan belum menjana hasil kepada negeri. Selain, itu melalui polisi bukan monetari melalui pelaksanaan Jawatankuasa Kawalselia Merancang dan Menyelaras Aktiviti Pemajuan Projek Pembangunan (JKMPPP) telah menjana kutipan sebanyak RM 52.4 juta dalam tempoh 2019 hingga 2024.

Pada ketika ini juga, Kerajaan Negeri sedang meneroka hasil-hasil baharu seperti perlombongan REE, projek pembangunan tenaga boleh baharu, penerokaan karbon dan hidrogen yang mampu menjana hasil baharu kepada negeri.

#### 10. YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL - KUALA BALAH

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah diambil kerajaan negeri dalam memastikan keselamatan pengguna Lebuhraya Jeli Gerik yang sering berlaku kemalangan dan ancaman haiwan liar?

#### JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)

Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN Negeri Kelantan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan keselamatan pengguna Lebuhraya Jeli-Gerik khususnya berkaitan ancaman kemalangan melibatkan hidupan liar.

Antara langkah yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

1. bagi tujuan berkaitan, kerajaan negeri melalui kerjasama pihak universiti malaysia kelantan telah mengadakan kajian bagi mewujudkan satu koridor makanan gajah di jeli bagi mengurangkan kacau ganggu gajah liar kepada penduduk. pelaksanaannya kini diperingkat penentuan lokasi hotspot yang bersesuaian.

2. bagi harimau liar, kerajaan negeri melalui kerjasama jabatan perhilitan telah menentukan jajaran laluan harimau dan diperingkat pelaksanaan penakrafan dan kawalan melalui piawaian Conservation Assured|Tiger Standards (CA|TS) bagi meningkatkan tadbir urus kawalan harimau.

3. memasang papan tanda amaran laluan hidupan liar seperti Gajah di laluan lebuhraya Jeli Gerik bagi memastikan pengguna jalan raya peka dan berhati-hati semasa melalui lebuhraya tersebut.

4. Kakitangan pejabat PERHILITAN Daerah Jeli juga menjalankan rondaan berkala di laluan lebuhraya Jeli Gerik bagi memantau kemunculan gajah-gajah di jalan raya dan menghalau semula gajah-gajah masuk semula ke kawasan hutan dengan kaedah tembak halau.

5. Sedang melaksanakan proses perolehan Papan Tanda LED Gajah yang akan dipasang di laluan lebuhraya Jeli Gerik. Di mana papan tanda ini akan bernyala pada waktu malam dan memberi amaran kepada pengguna jalan raya lebih berhati-hati dan peka pada pemanduan waktu malam.

6. Sentiasa memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya di kawasan berpotensi laluan hidupan liar. Antaranya tidak melakukan provokasi seperti menekan hon atau memainkan lampu tinggi kerana ini akan menyebabkan Gajah atau hidupan liar bertindak agresif.

7. Program Kesedaran Awam (PKA) telah diadakan pada 1 hingga 3 Jun 2025 di Hentian Rehat Titiwangsa yang lalu. Pada sesi ini jabatan PERHILITAN dengan Kerjasama agensi bukan Kerajaan (NGO) World Wide Fund For Nature (WWF) malaysia yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti pameran, penerangan dan soal selidik bagi memberi

pendedahan serta maklumat berkaitan kemalangan jalan raya melibatkan hidupan liar kepada pengguna jalan raya yang terkesan akibat konflik gajah.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Ancaman haiwan liar di Lebuhraya Jeli Gerik adalah diluar skop seliaan JKR Negeri Kelantan. Jalan Raya Timur Barat (JRTB) merupakan jalan utama yang menghubungkan antara Negeri Pantai Timur dan Utara Malaysia. Jalan ini telah dibina pada era Zaman Komunis pada tahun 1970-an. Berikutan arus peredaran dan pertambahan bilangan trafik, jalan ini memerlukan penambahbaikan terhadap jalan. Akhir-akhir ini terdapat banyak kejadian kemalangan.

Menyedari keadaan ini, JKR Negeri Kelantan telah mengangkat permohonan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk menaiktaraf jalan tersebut. Antara skop yang dipohon adalah: -

- i. Pembaikan cerun
- ii. Pembinaan lorong memotong
- iii. Penambahan Corrugated Metal Pipe (CMP)
- iv. Pembinaan New Jersey Barrier (NJB)
- v. Pemasangan lampu solar

**11. YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN - DABONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah prestasi syarikat milik kerajaan negeri dalam menyumbang kepada hasil pertanian makanan dan berapakah keluasan tanah yang telah di usahakan?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri Kelantan telah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian makanan negeri melalui pelbagai projek dan inisiatif. Antara syarikat terlibat ialah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) dan Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB). Berikut merupakan prestasi dan keluasan tanah yang telah diusahakan:

**1. Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) :**

**a. Projek Membangunkan Tanah Terbiar**

Melibatkan penggunaan tanah seluas 49.4 ekar yang melibatkan 18 orang peserta yang mengusahakan aktiviti tanaman seperti tembikai, ubi keledek, timun batang dan labu.

**b. Projek Fertigasi**

Penggunaan tanah seluas 18.87 ekar yang melibatkan setramai 30 orang peserta dari Jajahan Bachok dan Tanah Merah dengan jumlah keseluruhan 30,000 polibag.

**c. Tanaman Bawang**

Penggunaan tanah seluas 20 ekar melibatkan 2 lokasi iaitu di Pasir Mas dan Tanah merah

**d. Projek Tanaman Harum Manis**

Penggunaan tanah seluas 10 ekar yang melibatkan 10 orang peserta di kawasan Bachok

**e. Ternakan Ayam Penelur**

Penggunaan tanah seluas 0.0861 ekar iaitu 150 kaki persegi untuk 1 orang peserta - projek ini melibatkan 25 orang peserta.

**2. Pihak PKPNK sedang membangunkan Agrovalley Rong Chenok, Pasir Mas Kelantan. Tanah yang berkeluasan 270 ekar ini sedang menjalankan beberapa aktiviti Pertanian seperti:**

**a. Tanaman sayuran secara teknologi hidroponik.**

**b. Tanaman Cili secara fertigasi.**

**c. Reban ayam secara automatik bertutup.**

**d. Pusat Pembenihan ikan air tawar.**

**e. Ternakan Lembu pedaging jenis baka Charolais.**

Bagi perancangan tahun 2025-2026 pihak KPKM telah meluluskan beberapa peruntukan bagi membangunkan lagi aktiviti Pertanian di Agrovalley Rong Chenok antaranya seperti:

- a. Tanaman bagi sumber makanan ternakan ruminan, Napier.
- b. Tanaman buah-buahan Melon Madu Kelantan.
- c. Tanaman Pisang.

3. **Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB)** sebuah anak syarikat di bawah PMBK, turut menyumbang kepada sektor pertanian makanan melalui:

- a. Promosi dan jualan anak benih pisang berkualiti melalui teknologi kultur tisu tumbuhan kepada para petani. Usahawantani di Kelantan khususnya dengan kapasiti mencapai sehingga 10,000 benih sebulan di tapak nurseri seluas 1 ekar di Machang.
- b. Pembangunan Green Valley Bio Park di Lojing seluas 50 ekar dengan aktiviti pertanian tanah tinggi antaranya tomato, sawi organik, lada benggala, jagung manis diusahakan melalui usahasama strategik.
- c. Pembangunan Kelantan Bio Valley seluas 150 ekar meliputi pertanian bersepadu iaitu penanaman nanas, pisang, penternakan ikan, penternakan lebah kelulut, dan kebun durian.

**12. YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH - PULAI CHONDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh manakah pihak Kerajaan Negeri serious dan mengambil tindakan dalam menangani isu tidak mengerjakan solat lima waktu dikalangan penduduk di Negeri Kelantan dengan membuat bancian mengikut lokaliti setempat dan pernahkah diberi kaunseling kepada mereka yang terlibat

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan negeri melalui Bahagian Dakwah Halaqat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, telah melaksanakan beberapa program untuk menangani isu berkaitan solat antaranya adalah;

**Program Membina Generasi Solat (MGS) Dan Membina Generasi Al-Quran (MGQ)**

Program-program ini dilaksanakan secara berfasa dan menyasarkan golongan belia, remaja sekolah dan keluarga berisiko.

Kedua-dua program ini juga bukan semata-mata bertujuan memperkukuh kefahaman solat dan celik al-Quran, tetapi lebih utama - membina akhlak, disiplin diri dan kekuatan rohani dalam kalangan generasi muda sebagai benteng daripada gejala sosial dan jenayah.

**Pelancaran Alumni MGS**

Pada Majlis Perasmian Bulan Solat tahun ini telah dilancarkan Alumni MGS secara rasmi dan kelab ini akan menjadi satu medium untuk memantau alumni alumni MGS yang ada di seluruh negeri Kelantan.

**Kaji Selidik / Bancian Pengabaian Solat**

Bahagian Dakwah Halaqat dengan kerjasama Kolej Universiti Sultan Ismail Petra (KIAS) akan memulakan kaji selidik terhadap pengabaian solat di seluruh negeri Kelantan bermula Julai ini dan dijangka siap sebelum April 2026. Kaji selidik ini menelan kos RM49,000.

**13. YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD – GUAL PERIOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah kerajaan negeri merancang untuk memperkenalkan undang-undang atau peraturan baru yang lebih ketat terhadap pemilik lembu yang membiarkan haiwan mereka berkeliaran bebas, yang boleh membahayakan keselamatan orang ramai dan merosakkan harta benda?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Pendaftaran dan penguatkuasaan semua haiwan ruminan termasuk lembu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar sepertimana yang diperuntukkan oleh Enakmen Pendaftaran Ternakan Ruminan Negeri Kelantan 2024. Enakmen ini merupakan enakmen baru yang diwartakan dan dikuatkuasakan pada tahun 2024 bagi menggantikan Enakmen Lembu Kerbau 1968.

Enakmen baru ini telah dikemaskini mengikut perkembangan terkini dan mengambil kira kesemua tatacara secara menyeluruh. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan juga sentiasa dibantu oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan dalam menjalankan operasi haiwan berkeliaran termasuk lembu ternakan di bawah Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau-Rayau.

Kompaun dan tindakan undang-undang sentiasa diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan terhadap pemilik haiwan yang membiarkan haiwannya berkeliaran bebas dan mengganggu keselamatan penduduk setempat dan merosakkan harta benda.

**14. YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM - GALAS**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan eko-pelancongan di kawasan seperti Gunung Stong, Gua Ikan dan Taman Negara Kelantan Selatan.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Dabong telah mengambil beberapa langkah bermula tahun 2020-2025 bagi membangunkan destinasi eko-pelancongan dalam kawasan pentadbirannya sebagaimana berikut:

**Tahun 2020**

1. Menaiktaraf kemudahan awam pelancongan Kompleks Gua Ikan, Dabong.
2. Menaiktaraf tandas awam di Gunung Stong.
3. Menaiktaraf tandas awam di Stesen KTMB Dabong.
4. Menaiktaraf tandas awam di Kompleks Gua Ikan.
5. Menaiktaraf laluan masuk ke Gua Keris, Dabong.

**Tahun 2021**

1. Menaiktaraf tapak View Point Gunung Stong, Dabong.
2. Menaiktaraf parkir kenderaan di View Point Gunung Stong.
3. Menaiktaraf tapak View Point Gunung Stong, Dabong.
4. Menaiktaraf jalan masuk ke Kompleks Gua Ikan, Dabong.
5. MDD telah membangunkan aplikasi "DEGHAK DABONG" sebagai aplikasi digital yang membekalkan maklumat pelancongan dan sebagai rujukan kepada pelancong yang datang ke Dabong.

**Tahun 2022**

1. Penubuhan Jawatankuasa Tindakan Pelancongan Dabong.
2. Menaiktaraf Landskap Taman Awam Di Kompleks Gua Ikan Dabong.
3. Menaiktaraf Kemudahan Awam Di Kawasan Peranginan Lata Kertas, Dabong.
4. Membina Baru Laluan Masuk Ke Kawasan Peranginan Lata Kertas, Dabong.
5. Membina Mercu Tanda 0km Dabong, Dabong.
6. Mengecat Bangunan Dan Pengindahan Di Laluan Utama Pekan Dabong.

### **Tahun 2023**

1. Pencerahan Dalam Gua Ikan, Dabong.F
2. Membina Tandas Awam Di Kawasan Perkelahan Sungai Kenerong, Dabong.
3. Menaiktaraf Kemudahan Awam Di Hadapan Gua Keris, Gelap & Pagar, Dabong.
4. Menaiktaraf Laluan Masuk Ke Gua Ikan, Dabong.
5. Membekal Dan Memasang Lampu Jalan (Solar LED) Di Lata Kertas, Dabong.
6. Membekal Dan Memasang Lampu Jalan (Solar LED) Di Jalan View Point, Dabong.
7. Membekal Dan Memasang Lampu Jalan (Solar LED) Di Kg. Kenerong, Dabong.
8. Pencerahan Di Kompleks Gua Ikan, Dabong.
9. Menaiktaraf Kemudahan Awam Di Kawasan Peranginan Lata Kertas, Dabong.
10. Program Dabong *Community Based Tourism (Local Community Host)*.
11. Projek Pembangunan Baseline Data Kualiti Air di Kawasan Strategik serta Geo - Pelancongan Dabong.
12. Projek Pembangunan Inventori Warisan Ekologi dan Geologi Kompleks Gua Ikan Dabong.
13. Projek Konservasi Spesies Flora dan Fauna Endemik dan Terancam di Dalam Taman Negeri Gunung Stong, Dabong
14. Membina Bangunan Pusat Informasi *Stong Geopark* Di Pekan Dabong.
15. Menaiktaraf Jambatan Gantung Pejalan Kaki di Taman Negeri Gunung Stong, Dabong.
16. Penyelenggaraan jalan Air Terjun 1, Jelawang, Dabong.

### **Tahun 2024**

1. Menaiktaraf jambatan gantung dan penanaman pokok di Lata Kertas, Dabong.
2. Penyelenggaraan Jalan Air Terjun 2, Jelawang, Dabong.

### **Tahun 2025**

1. Projek menaiktaraf kemudahan pelancongan di Kompleks Gua Ikan, Dabong.
2. Pemeliharaan Ekologi Taman Rimba Gua Keris, Dabong.
3. Membina Galeri Pameran Arkeologi Dan Biodiversiti Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kompleks Gua Ikan.
4. Menaiktaraf tapak View Point Gunung Stong, Dabong.

**15. YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR – MENGKEBANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah tindakan mitigasi jangka pendek dan jangka panjang oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di sepanjang Sungai Nal dan kawasan yang kerap dilanda banjir seperti Chenulang, Kg Sepuluh dan Kg Bukit Sireh?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**16. YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN - PANTAI IRAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan dalam menangani kekurangan dan permintaan dalam pasaran kelapa mengikut keperluan pengguna di Negeri Kelantan.

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kadar sara diri (SSL) bagi hasil tanaman kelapa di peringkat negara adalah sekitar 70% sahaja, manakala bagi Negeri Kelantan, angkanya dijangkakan lebih rendah daripada purata kebangsaan. Malaysia kini mengimport lebih 278 metrik tan hasil kelapa dari negara luar.

Kerajaan Negeri melalui PKPNK memandang serius isu kekurangan bekalan kelapa yang tidak mencukupi untuk menampung permintaan pasaran semasa. Sehubungan itu, antara langkah yang sedang diambil bagi pihak PKPNK adalah denagn berbincang dan bekerjasama bersama pihak UPEN dan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan serta Pejabat Tanah dan Jajahan bagi memastikan Kawasan yang dicadangkan untuk projek tanaman kelapa ini Berjaya iaitu dengan mencadangkan beberapa lokasi bagi projek tanaman kelapa di negeri ini, antaranya di Kawasan Mukim Lubok Tembesu (seluas 17) ha) dan di Kawasan Mukim Kubang Telaga (seluas 35 ha) dengan keseluruhan Kawasan dicadangkan adalah seluas 52 ha bersamaan 130 ekar. Dengan keluasan ini dianggarkan sejumlah lebih 10 ribu pohon kelapa boleh ditanam juga usahasama PKPNK bersama pihak UPEN, Pejabat Tanah Dan Jajahan serta Jabatan Pertanian Negeri Kelantan mencari lokasi-lokasi lain yang sesuai bagi tanaman kelapa.

**17. YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN - KELABORAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah langkah yang dibuat oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan kadar perceraian yang berlaku di negeri Kelantan yang dilaporkan agak tinggi ?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Statistik kadar perceraian negeri Kelantan merekodkan peningkatan kes bagi tiga (3) tahun berturut-turut dari tahun 2021 (2,481 kes), 2022 (2,901 kes) dan 2023 (3,107 kes). Namun bagi tahun 2024 berlaku penurunan sebanyak 406 menjadikan kes bagi tahun 2024 adalah sebanyak 2,701. Kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan sentiasa mengambil maklum dan komited dalam usaha untuk mengurangkan kadar perceraian di negeri Kelantan khususnya.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah pemerkasaan peranan khidmat nasihat dalam menyelesaikan isu-isu *syiqoq* dalam rumah tangga. Pemerkasaan ini mengambil kira kemudahan pendaftaran di setiap jajahan, kursus kompetensi secara berkala kepada pegawai runding cara yang dianjurkan sama ada di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) atau pun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kaedah dalam atau pendekatan dalam runding cara itu sendiri. Selain itu, perancangan pada masa akan datang di mana pemerkasaan sistem runding cara dengan melantik Nazir Keluarga demi memastikan kepentingan dan kebajikan terbaik kepada ahli keluarga. Di samping itu juga, keutamaan untuk merujuk kes-kes rumah tangga yang dianggap tidak serius untuk mendapatkan sesi runding cara daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam terlebih dahulu sebelum sebarang permohonan cerai difailkan di mahkamah. Program-program pendidikan juga turut dilaksanakan kepada masyarakat antaranya Seminar Keluarga Sakinah yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Agama Jajahan pada suku keempat melibatkan pelaksanaan kepada semua jajahan negeri Kelantan, ceramah kekeluargaan atas talian, Kursus Asas Training Of Trainer (TOT) kepada para penceramah Kursus Pra Perkahwinan Islam Bersepadu (MBKPI), Kursus Pra Perkahwinan dan sebagainya bagi melahirkan masyarakat yang celik ilmu kekeluargaan bagi persediaan menempuh alam rumahtangga.

## 18. YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL – KUALA BALAH

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah kedudukan kesihatan rakyat Kelantan terutama dalam kes Penyakit Tidak Berjangkit dan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan negeri bagi memastikan rakyat sentiasa sihat?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Mengikut laporan National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023, kadar prevalens bagi penyakit tidak berjangkit di negeri Kelantan adalah seperti berikut:

- **Diabetes:** 16.3% (1 daripada 6 orang dewasa)
- **Hipertensi:** 27.9% (1 daripada 3 orang dewasa)
- **Obesiti/berat badan berlebihan:** 51.6% (1 daripada 2 orang dewasa)
- **Kolesterol tinggi:** 34.9% (1 daripada 3 orang dewasa)
- **Tidak aktif secara fizikal:** 23.2% (1 daripada 4 orang dewasa)
- **Perokok:** 21.4% (1 daripada 5 orang dewasa)

| Penyakit   | Kelantan (%) | Nasional (%) | Kedudukan Kelantan      |
|------------|--------------|--------------|-------------------------|
| Diabetes   | 16.3         | 15.6         | Di atas purata          |
| Hipertensi | 27.9         | 29.2         | Sedikit di bawah purata |
| Obesiti    | 51.6         | 54.4         | Lebih baik              |
| Kolesterol | 34.9         | 33.3         | Di atas purata          |

Ini menunjukkan lebih separuh orang dewasa di Kelantan mempunyai kadar berat badan berlebihan, manakala tekanan darah tinggi dan kolesterol juga tinggi, yang menunjukkan cerminan gaya hidup tidak aktif dan diet yang kurang sihat.

Walaupun tidak termasuk dalam kalangan negeri paling tinggi, Kelantan **mengatasi purata nasional dalam dua kategori utama (diabetes & kolesterol)**.

Antara usaha kerajaan negeri yang dilakukan dalam memastikan rakyat sentiasa sihat adalah:

### 1. Program "Kelantan Sihat 2023"

Telah diadakan di Hotel Grand Renai pada 11 Jun 2023. Merupakan inisiatif bersama Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, bertujuan mengekang penyakit tidak berjangkit melalui:

- Pendidikan pemakanan sihat
- Promosi aktiviti fizikal
- Kempen anti-merokok
- Pengurusan stres dan kesihatan mental

## **2. Pemeriksaan kesihatan secara percuma di Program Bina Ummah yang diadakan di setiap kawasan DUN**

- Rakyat mendapat manfaat saringan kesihatan percuma dalam usaha mengesan awal penyakit tidak berjangkit seperti darah tinggi, dan kencing manis.
- Khidmat nasihat perubatan juga diberikan dalam mendidik rakyat mengenai penyakit-penyakit tidak berjangkit.
- Inisiatif ini dilakukan dengan kerjasama daripada Persatuan Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) cawangan negeri Kelantan.

**19. YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN – PALOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan bagi mewujudkan Kampung Budaya Kelantan bagi menghimpunkan elemen budaya Kelantan?

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri sememangnya menyedari kepentingan memelihara dan memartabatkan warisan budaya Kelantan yang kaya dengan pelbagai elemen tradisional seperti seni persembahan, kraftangan, makanan warisan, pakaian tradisi dan adat resam.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan sebuah "Kampung Budaya Kelantan" sebagai pusat sehenti bagi: Menghimpunkan elemen-elemen budaya warisan seperti Wayang Kulit, Dikir Barat, dan Silat.

Menjadi tarikan pelancongan berasaskan budaya dan pendidikan.

Memberi ruang kepada penggiat seni tempatan untuk berkarya dan menjana pendapatan.

Menjadi platform pendidikan tidak formal kepada generasi muda mengenai adat dan budaya negeri.

Setakat ini, beberapa cadangan lokasi telah dikenal pasti termasuk kawasan berdekatan dengan pusat pelancongan sedia ada iaitu Taman Warisan, Kampung Laut, Tumpat.

Kerajaan Negeri juga terbuka kepada kerjasama strategik bersama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam merealisasikan projek ini.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan warisan budaya Kelantan terus lestari dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang, bukan sahaja sebagai identiti negeri, malah sebagai aset ekonomi melalui sektor pelancongan budaya.

**20. YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN - PANTAI IRAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan dalam memperkasa industri peternakan Kambing tenusu dan kambing baka di Negeri Kelantan.

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa memperkasa industri penternakan di Kelantan termasuk kambing tenusu dan kambing baka melalui beberapa inisiatif strategik seperti berikut :

**Kambing tenusu**

i. **Menubuhkan Pusat Pengumpulan Susu Kambing (Goat Milk Collection Centre - GMCC) di Ketereh dan Pasir Puteh** hasil kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Anak syarikat Kerajaan Kelantan iaitu Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBC) dan penternak-penternak kambing tenusu. GMCC adalah untuk memodenkan industri susu kambing, meningkatkan kecekapan rantai bekalan, dan menjadikan Kelantan sebagai pemain yang kompetitif dalam pasaran tenusu. Ia juga bertujuan untuk menjadi hab pusat pengumpulan susu kambing dengan kawalan kualiti yang lebih baik dan saluran pemprosesan. GMCC dapat membuka peluang ekonomi kepada penternak tempatan, disamping itu juga dapat meletakkan Kelantan sebagai salah satu pemain utama dalam sektor halal dan tenusu di Malaysia. Bagi memastikan bekalan makanan ternakan mencukupi dan berkualiti, KBC telah dilantik sebagai penanaman rumput foder secara besar-besaran. Foder seluas 20 ekar yang akan memberi manfaat kepada 40 orang penternak kambing tenusu di sekitar Pasir Puteh dan Kota Bharu.

ii. **Bantuan** daripada Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan daripada YB Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi **sebanyak RM300,000. RM 270,000 telah diperuntukkan untuk perolehan ternakan tempatan iaitu induk bunting sebanyak 46 ekor dan jantan sebanyak 9 ekor diberikan kepada penternak sebagai bantuan pawah.**

iii. **Bantuan** daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) **sebanyak RM 1 juta.** Sebanyak RM 500,000 diperuntukkan untuk perolehan ternakan yang diimport dari luar negara sebanyak 60 ekor induk bunting dan 14 ekor pejantan. Ini adalah bertujuan untuk memperkasakan kualiti baka dan menambah bilangan kambing tenusu bagi mengeluarkan susu sebanyak 2,000 liter sehari menjelang tahun 2029.

iv. Selain itu, terdapat peruntukan daripada DVS Malaysia iaitu iaitu **Projek Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Ruminan Kecil Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 100% (Pikk100%)** melibatkan 2 orang penternak yang telah mendapat pakej berganda yang mana seorang penternak mendapat anggaran harga untuk 1 pakej sebanyak RM 79,180.00. Dalam satu pakej tersebut, penternak mendapat 10 ekor induk Saanen kacukan, 1 ekor pejantan Saanen kacukan, 1 mesin pemerah susu boleh alih (portable milking machine), makanan ternakan dan garam jilat.

Usaha ini bukan sahaja memperkukuh sektor pertanian negeri, malah berpotensi menjadikan Kelantan sebagai peneraju industri kambing tenusu di Malaysia. Usaha ini disamping meningkatkan pengeluaran susu sebanyak 730,000 liter per tahun, juga membuka peluang ekonomi kepada penternak tempatan, termasuk peningkatan pendapatan, penciptaan pekerjaan, dan pengukuhan rantai bekalan dalam industri halal.

#### **B. Kambing Baka**

i. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan telah membuat perolehan berstrategi induk-induk kambing kacukan pada setiap tahun untuk agihan secara pawah di bawah P26003 : Rancangan Pembangunan Kambing dan Bebiri. Setiap tahun kerajaan telah memperuntukkan sejumlah peruntukan kepada JPV untuk pembangunan ternakan dan hasil ternakan yang mana telah memberi manfaat kepada 94 orang penternak daripada tahun 2020 hingga tahun 2024.

ii. Selain itu, terdapat peruntukan daripada DVS Malaysia iaitu iaitu Projek Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Ruminan Kecil Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 100% (Pikk100%) melibatkan 6 orang penternak yang telah mendapat pakej dengan anggaran harga sebanyak RM 102,680.00 untuk 1 pakej. Dalam satu pakej tersebut, penternak mendapat 20 ekor induk Boer kacukan, 1 ekor pejantan Boer kacukan, makanan ternakan dan garam jilat. Baka adalah daripada Australia.

iii. Tambahan lagi, peruntukan daripada DVS Malaysia iaitu iaitu Projek Rezeki Ternak (ruminan) melibatkan 17 orang penternak yang telah mendapat bantuan ternakan kambing kacukan Boer (baka bergantung kepada DVS Malaysia) sebanyak 8 ekor/penternak. Semua ternakan adalah daripada Australia.

iv. Selain itu juga, Jabatan sentiasa menyokong program-program yang dijalankan di bawah Persatuan Kambing Kacukan Boer dan Red Kalahari bagi memastikan baka tersebut sentiasa

dipelihara dan menggalakan lebih ramai penternak memelihara ternakan dengan baka yang berkualiti. Antara program yang dijalankan ialah Pertandingan Seni & Pameran Kambing Baka Boer dan Kalahari pada 3 Mei 2025 di Pantai Sri Tujuh, Tumpat. Dengan usaha dan inisiatif ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan dapat memperkasa industri penternakan kambing terutamanya kambing baka di Kelantan.

## **2. Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBC)**

Antara insentif Kerajaan Negeri Kelantan bagi mengembang dan mengukuhkan Projek Penternakan Kambing Tenusu ialah:

a. Projek Pengukuhan Industri Kambing Tenusu yang telah bermula pada tahun 2023 melalui peruntukan ECERDC bersama Kerajaan negeri Kelantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan dan keterlibatan KBC bagi memperkukuh dan memberi sokongan kepada para penternak kambing tenusu di Kelantan. Kerangka utama projek ialah:

- i. Pembangunan pusat pengumpulan dan pemprosesan susu di Ketereh dengan kapasiti pengumpulan dan pemprosesan sehingga 2000 liter sehari.
- ii. Pembangunan pusat pengumpulan susu kambing di Pasir Puteh - pengumpulan 1000 L/ hari
- iii. Pembangunan Kawasan foder rumput minyak di Pasir Puteh seluas 60 ekar.

Projek ini dijangka siap dan beroperasi bermula suku ke Empat tahun 2025 memanfaatkan para penternak sedia ada dan menjadi pemangkin industri kambing tenusu di Kelantan dengan penglibatan penternak baru dan peningkatan jumlah ternakan kambing tenusu.

b. Projek Kerjasama Kerajaan negeri dan KPKM - bantuan baikpulih kandang dan perbekalan induk kambing tenusu import berkualiti kepada penternak yang layak.

c. Kerajaan Negeri melalui Exco Pertanian memberi peruntukan baikpulih kandang dan perbekalan induk kambing tenusu tempatan berkualiti. Manakala bagi Pembangunan kambing baka adalah:

A. Kerajaan Negeri melalui Exco Pertanian di bawah KBCSB telah memulakan program biakbaka kambing pedaging baka Red Kalahari di Pusat Bio Penternakan, Jeram Pasu, Pasir Puteh bermula tahun 2024 dengan perolehan baka kambing pejantan dan induk tempatan untuk dijalankan program pembiakan yang tersusun melalui teknologi terkini dan kelengkapan fasiliti sedia ada yang kemudiannya dapat dibekalkan hasil pembiakan ini kepada para penternak melalui program pawah dan perbekalan.

Insentif lain dan utama adalah melalui agensi teknikal utama iaitu melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

**21. YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR – MENGKEBANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status perkembangan pembangunan jalan pesisir (coastal road) sungai Kelantan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan sektor ekonomi, pertanian dan pelancongan?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

JKR Negeri Kelantan telah mengenalpasti jajaran pesisir sungai Kelantan dan telah angkat permohonan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (RKDW). Projek telah diluluskan iaitu Membina Jalan Baru Kg. Kuala Nal Ke Kg. Dusun Nyior, Kuala Krai, Kelantan. bagi melengkapi jajaran ini, JKR Kelantan telah merancang beberapa projek sambungan untuk diangkat kepada kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui projek RMK 13. JKR Negeri Kelantan telah memohon projek Membina jalan baru dari Dusun Nyior ke Kg Batu Lada, Kuala Krai dibawah RMK 13 RP1. Projek ini adalah salah satu jajaran untuk jalan persisir sungai di Kuala Krai.

**22. YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI - NENGGIRI**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bentuk kerjasama antara KPKB (Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad) dengan Kilang Padi dan Beras Darul Naim Sdn Bhd dalam menghasilkan beras berjenama Darul Naim.

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) merupakan rakan kongsi perniagaan di dalam Kilang Padi Beras Darulnaim Sdn. Bhd. Manakala Beras Darul Naim Kelantan dari kilang ini akan di jual ke pasaran terbuka melalui KPKB

**23. YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR – MENGKEBANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status perancangan Bandar Baharu Kuala Krai bersebelahan dengan Hospital Sultan Ismail Petra yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Perancangan bagi Bandar Baharu Kuala Krai yang terletak berhampiran Hospital Sultan Ismail Petra telah pun mendapat kelulusan Kerajaan Negeri iaitu seluas 100 ekar tanah telah diperuntukkan bagi pembangunan komponen bangunan kerajaan dalam kawasan bandar baharu tersebut. Perancangan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Ke-86. Bagi memastikan pelaksanaan keputusan jawatankuasa perancangan negeri

**24. YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM - GALAS**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status terkini proses pewartaan keluar kawasan HSK yang terlibat dalam projek REE, dan bilakah ia dijangka selesai.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Pewartaan keluar telah dilaksanakan melalui Warta kerajaan No. 331/2025 bertarikh 27hb Februari 2025.

**25. YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN - KELABORAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah bentuk kerjasama antara kerajaan negeri dengan agensi persekutuan, NGO dan institusi agama dalam usaha untuk memperkukuhkan institusi keluarga di Kelantan.

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan sentiasa komited dalam usaha untuk memperkukuhkan institusi kekeluargaan di negeri Kelantan khususnya. Usaha ini bukan sahaja melibatkan agensi di bawah kerajaan negeri sahaja bahkan melibatkan agensi-agensi di bawah persekutuan juga. Antara Fokus dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan untuk tahun ini adalah melibatkan remaja dengan penganjuran sosial antara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan dalam Program Motivasi Kekeluargaan dan Remaja. Program ini mensasarkan 15 buah sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Bharu. Program ini juga diperluaskan juga kepada setiap jajahan dengan kerjasama antara Pejabat Agama Jajahan dan PPD Jajahan. Pendekatan program ini berbentuk ceramah motivasi dengan berpanduan salah satu Modul Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) yang telah dibina oleh JAKIM iaitu Modul Pembangunan Remaja. Antara topik yang ditekankan adalah peranan remaja dalam keluarga, pergaulan, sosial dan penzinaan.

Kerajaan Negeri Kelantan melalui UKEKWA sentiasa komited menjalankan pelbagai bentuk kerjasama strategik dengan agensi Persekutuan, badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi agama bagi memperkukuhkan institusi keluarga di negeri ini.

Antara langkah utama ialah penubuhan Majlis Pembangunan Keluarga Mawaddah (MPKM) sejak tahun 2021, yang berperanan sebagai platform perbincangan bersama jabatan, agensi, NGO dan institusi agama. MPKM bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun dan akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan.

Antara bentuk kerjasama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

**1. Mesyuarat Strategik & Penyelarasan Isu Keluarga**

Melibatkan pelbagai agensi Persekutuan seperti PDRM, JKM, LPPKN, Jabatan Pendidikan, AADK, Jabatan Kesihatan; institusi agama seperti JAHEAIK, MAIK dan Jabatan Kehakiman Syariah; serta NGO tempatan.

## **2. Pelaksanaan Program & Aktiviti Bersama**

Kerajaan Negeri turut proaktif meneroka potensi kerjasama dengan pelbagai jabatan, agensi dan NGO dalam penganjuran program serta penyediaan perkhidmatan yang dilihat mampu menyumbang secara menyeluruh kepada pembangunan dan pengukuhan institusi keluarga merentasi pelbagai aspek. Antara bentuk kerjasama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

### **Kerjasama melalui penganjuran program**

| BIL | PROGRAM                  | KERJASAMA                       |
|-----|--------------------------|---------------------------------|
| 1   | Sambutan Hari Warga Emas | JKM                             |
| 2   | Ziarah Keluarga Rentan   | AADK                            |
| 3   | Sambutan Bulan Keluarga  | LPPKN                           |
| 4   | Big Hero                 | Jabatan Penjara Negeri Kelantan |
| 5   | Bengkel Ibu Hamil        | Pejabat Kesihatan Daerah        |

### **Kerjasama dalam bentuk pemberian bantuan dan insentif**

| BIL | SKIM                           | KERJASAMA                         |
|-----|--------------------------------|-----------------------------------|
| 1   | Skim Cakna Suri 2024           | PERKESO                           |
| 2   | Skim Cakna Aulad 2024 dan 2025 | Kelantan Gold Trade Sdn Bhd       |
| 3   | Skim Halimatul Saadiah         | JKM, PAPISMA, PPSK, PERASKO       |
| 4   | Insentif Khas Taska Swasta     | JKM, PPSK, PERASKO                |
| 5   | Subsidi & Advokasi Mamogram    | Jabatan Kesihatan, HPUSM, PAPISMA |

## **3. Perkongsian Perkhidmatan Terus Kepada Rakyat**

Kerajaan Negeri turut menawarkan kepada agensi Persekutuan, badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi agama bagi membuka reruai untuk memberikan perkhidmatan terus kepada rakyat sempena program-program yang dilaksanakan. Pemilihan agensi akan dilihat mengikut kesesuaian kepada sasaran peserta bagi setiap program.

Gabungan sinergi antara kerajaan negeri, agensi persekutuan, institusi agama dan NGO ini amat penting dalam memastikan pendekatan holistik dapat dilaksanakan dalam memperkukuhkan institusi keluarga di Kelantan. Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik segala usaha dari pelbagai pihak. Melalui kerjasama berterusan ini, Kerajaan Negeri optimis bahawa setiap keluarga, terutamanya dalam kalangan B40 dan komuniti luar bandar, akan terus diberdaya untuk hidup dalam keadaan yang lebih sejahtera, harmoni dan stabil dari segi emosi, sosial serta ekonomi.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

### **1. Agensi Persekutuan**

- a. Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- b. Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Kelantan
- c. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- d. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- e. Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Kelantan (AADK)
- f. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
- g. Pejabat Penjara Negeri Kelantan
- h. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- i. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
- j. Jabatan Bantuan Guaman
- k. Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II)
- l. Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)
- m. Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai
- n. Pejabat Zon Timur Yayasan Kebajikan Negara

### **2. Institusi Agama / Syariah**

- a. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan
- b. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)
- c. Bahagian Pengurusan Undang-undang Keluarga, JAHEAIK
- d. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

### **3. Badan Bukan Kerajaan (NGO)/ Agensi Negeri/ Komuniti Tempatan**

#### **a. NGO/ Sukarelawan**

- i. Rumah Generasiku Sayang
- ii. Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA)
- iii. Pertubuhan Lepas Undang-undang Muslimat Kelantan (MUSLET)
- iv. Mawaddah Support Team Parlimen

#### **b. Agensi/ Entiti Negeri**

- i. Pejabat Tanah dan Jajahan
- ii. Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)
- iii. Urusetia Pembangunan Penghulu Negeri Kelantan
- iv. Institut Latihan Darul Naim (ILDAN)
- v. Yayasan Islam Kelantan (YIK)

**26. YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN - LIMBONGAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Kerajaan telah mengeluarkan projek dapur hijau setiap tahun apakah keberhasilan projek tersebut serta dapat menampung ekonomi rakyat setempat?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Projek Dapur Hijau merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi dengan pelaksanaanya diselaraskan oleh Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB) melalui Kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Impak dan keberhasilan projek ini dapat dilihat melalui beberapa aspek utama, antaranya:

**1) Mengurangkan kos perbelanjaan dapur**

Dengan mewujudkan laman tanaman sayuran di sekitar rumah, para penerima dapur hijau tidak perlu untuk membeli sayuran di kedai. Mereka hanya perlu mengaplikasikan kit dapur hijau tersebut dengan melakukan aktiviti bercucuk tanam di sekitar rumah.

Melalui kaji selidik yang dijalankan oleh pihak pelaksana melalui borang kaji selidik dan temu ramah peserta dapur hijau, kami mendapati 100% memberi respon positif berkaitan ini dengan mengatakan bahawa program ini dapat mengurangkan perbelanjaan dapur mereka. Secara tidak langsung dapat menampung ekonomi rakyat melalui pengurangan belian sayuran dan pengurangan kebergantungan kepada pasaran luar. Sayur-sayuran yang ditanam biasanya terdiri daripada kangkung, bayam, sawi, cili, bendi, terung dan kini diperluas kepada 10 jenis tanaman pada tahun 2025 ini.

**2) Pengamalan pertanian organik**

**3) Penerapan nilai murni yang baik dan galakkan budaya bercucuk tanam**

**4) Memperkasa program dapur hijau dari tahun ke tahun**

Pada tahun 2025, kita telah mengambil inisiatif memperkasakan kit dapur hijau dengan sasaran kepada 30 peserta bagi setiap DUN. Penambahbaikan ini dibuat melalui pembekalan biji benih sebanyak 10 jenis berbanding 5 jenis sayuran sebelum ini. Langkah ini diambil ekoran permintaan rakyat terhadap benih dengan harapan dapat mempelbagaikan jenis sayuran dan memenuhi keperluan terhadap sayuran.

**5) Menjana Pendapatan Tambahan melalui Program Usahawan Dapur Hijau**

Kesinambungan program ini melahirkan program Usahawan Dapur Hijau yang telah bermula pada tahun 2022 yang telah melahirkan 42 usahawantani baharu.

**27. YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR – GUAL IPOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah seterusnya bagi mengangkat Guillemard sebagai mercu tanda utama bagi negeri Kelantan.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Pelbagai usaha telah dilaksanakan sejak tahun 2021 bagi mengangkat Jambatan Guillemard sebagai mercu tanda pelancongan utama Negeri Kelantan. Antaranya termasuklah promosi berterusan sehingga Jambatan Guillemard kini tersenarai secara rasmi dalam peta pelancongan Negeri Kelantan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga dalam proses membuat pembelian bagi gerabak dan kereta api untuk maksud tarikan di Guillemard View, Tanah Merah. Dalam perancangan terdekat, Kerajaan Negeri turut merancang pembinaan sebuah bangunan serbaguna di Taman Guillemard yang akan merangkumi kemudahan seperti perpustakaan, galeri, pusat sumber dan surau.

Sebagai langkah seterusnya, Kerajaan Negeri telah mencadangkan Projek Pelancongan Warisan Jambatan Guillemard bernilai RM8 juta untuk disenaraikan dalam perancangan pelaksanaan projek bagi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

**28. YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN - SEMERAK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah kerajaan negeri bagi mengiktiraf dan mengangkat peranan NGO di dalam pelaksanaan Dasar Sosial dan Kemasyarakatan Negeri?

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) dengan kerjasama rakan strategik NGO telah menubuhkan Konfederasi NGO Kelantan (KNK) sebagai platform strategik untuk penyelarasan maklumat serta pemerkasaan peranan NGO. Pemerkasaan Konfederasi NGO Kelantan (KNK) sebagai Payung Induk Kerajaan Negeri melalui Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) telah menubuhkan KNK pada tahun 2015 sebagai platform pemusatan-atau single window-bagi pendaftaran, penyelarasan maklumat dan penggemblengan sumber NGO di Kelantan. KNK berfungsi sebagai:

1. Sekretariat tunggal yang menyalurkan dasar, latihan dan geran kerajaan negeri kepada NGO dengan lebih tersusun.
2. Badan perunding utama kerajaan dalam merangka, memantau dan menilai Dasar Sosial & Kemasyarakatan (DSK) negeri.
3. Pusat data bersepadu (Kelantan NGO Hub) yang merekodkan profil, kepakaran, projek dan impak semua NGO berdaftar-membolehkan kerajaan membuat keputusan berasaskan bukti (evidence-based).

Pemetaan Kluster Mengikut Bidang Kepakaran Bagi memastikan kepakaran NGO dimaksimumkan, KNK telah mengelaskan ahlinya kepada tujuh (7) kluster strategik selaras dengan aspirasi Kelantan Sejahtera 2033:

1. Kesihatan, Kebajikan & Kekeluargaan
2. Polisi Awam & Undang-Undang
3. Ekonomi & Keusahawanan
4. Pendidikan & Pembangunan Insan
5. Khidmat Kemanusiaan
6. Kesenian, Kebudayaan, Sukan & Rekreasi
7. Sains, Alam Sekitar & Teknologi

Struktur kluster ini membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan, peluang kerjasama dan sokongan teknikal secara tepat menurut fokus serta kekuatan setiap NGO.

Pendekatan "Whole-of-Society" Kerajaan negeri mengamalkan pendekatan menyeluruh-melibatkan agensi kerajaan, swasta, akademik dan NGO-bagi memastikan dasar bersifat inklusif, bukan eksklusif. Antara inisiatif:

1. Persidangan Badan-Badan Bukan Kerajaan (SIDANG): platform tahunan konsultasi dasar antara Kerajaan Negeri dan NGO.
2. Konvesyen NGO Negeri Kelantan: medan pameran impak, pertukaran amalan terbaik dan mobilisasi sukarelawan.
3. Karnival NGO atau Rapat Komuniti (RAPAT) di bawah U-BeS untuk projek komuniti berimpak tinggi yang dicadangkan diperingkat kluster KNK.

Pemeriksaan Kapasiti & Impak Program Akreditasi Tadbir Urus NGO (dengan kerjasama pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)) bagi meningkatkan standard tadbir urus, kewangan dan laporan impak NGO. Melalui KNK, kerajaan negeri memperoleh:

1. Saluran maklum balas akar umbi yang pantas dan representatif.
2. Pengurangan pertindihan program kerana kluster KNK menyelaraskan kalendar aktiviti.
3. Leveraj sukarelawan & kepakaran melebihi 20,000 ahli NGO, menjimatkan kos dan mempercepat capaian dasar.

Kesimpulannya, KNK bertindak sebagai payung penyelaras yang menghubungkan kerajaan dengan hampir 300 NGO Kelantan, memastikan segala inisiatif Dasar Sosial & Kemasyarakatan dilaksanakan secara bersepadu, berimpak tinggi dan benar-benar menyentuh kehidupan rakyat.

Berikut antara maklumat program-program yang telah dijalankan sepertimana berikut:

| Nama Kursus                                       | Tarikh      | Tempat                            | Jumlah Peserta | Rakan Strategik                |
|---------------------------------------------------|-------------|-----------------------------------|----------------|--------------------------------|
| Persidangan Badan - Badan Bukan Kerajaan (SIDANG) | 9 Ogos 2025 | Grand Riverview Hotel, Kota Bharu | 650 orang      | Konfederasi NGO Kelantan (KNK) |
| Retreat Konfederasi NGO Kelantan                  | 15 Jun 2025 | H-Elite Design Hotel, Tunjong     | 20 orang       | Konfederasi NGO Kelantan (KNK) |
| Konvensyen NGO Negeri Kelantan                    | 16 Mei 2025 | H-Elite Design Hotel, Tunjong     | 130 orang      | Konfederasi NGO Kelantan (KNK) |

**29. YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN – PALOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam mempercepatkan peralihan PBT kepada bandar pintar yang cekap digital serta mesra rakyat?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Kerajaan Negeri Kelantan kini giat mempercepatkan peralihan PBT kepada bandar pintar yang cekap digital dan mesra rakyat melalui pelaksanaan Kajian Blueprint Bandar Pintar Kelantan 2040 yang menekankan pembangunan infrastruktur digital, pendigitalan perkhidmatan PBT seperti ePBT dan sistem aduan pintar serta penggunaan teknologi seperti sensor dan CCTV bersepadu. Pendekatan ini turut melibatkan kerjasama strategik antara agensi, industri dan komuniti melalui konsep "co-creation", pelaksanaan "pilot-projects" seperti sistem pengurusan sisa pintar dan pemetaan GIS serta pemerksaan modal insan PBT melalui latihan teknologi dan pengurusan bandar pintar yang lebih efisien dan inklusif.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah menyediakan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 yang telah menetapkan sasaran utama untuk mewujudkan sekurang-kurangnya dua (2) bandar pintar pada tahun 2026.

Kerajaan negeri sedang menyediakan Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan sebagai satu dokumen rujukan kepada semua agensi termasuk 12 PBT di Negeri Kelantan menuju status bandar pintar menjelang tahun 2040.

Salah satu inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mentranformasikan PBT di Negeri Kelantan ke arah status bandar pintar adalah dengan langkah pendigitalan perkhidmatan PBT kepada rakyat seperti e-permohonan bagi permohonan pelan bangunan dan permit, e-Payment seperti cukai taksiran, kompaun, perlesenan dan sewaan serta e-aduan rakyat dengan maklum balas yang pantas.

Kerajaan negeri juga, akan melaksanakan agenda bandar pintar dengan menerapkan dasar Membangun Bersama Islam secara berterusan seiring dengan evolusi teknologi semasa dalam memperkasakan perkhidmatan bandar untuk rakyat.

**30. YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah jumlah pelajar-pelajar yang telah menyertai Program Tuisyen Rakyat Kelantan Sejahtera pada tahun 2024 dan apakah pencapaian yang telah diperolehi?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Jumlah pelajar yang telah menyertai Program Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan pada tahun 2024 seramai 1495 orang melibatkan semua 45 DUN. Pencapaian pelajar yang menyertai program TRS dalam Peperiksaan Sebenar SPM berbanding Peperiksaan Percubaan bagi empat mata Pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah menunjukkan peningkatan sebanyak 54.8%. Mata Pelajaran Matematik menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 81.4% manakala bagi mata Pelajaran Sejarah pula menunjukkan peningkatan sebanyak 59.9%.

**31. YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN - PANTAI IRAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah inisiatif baru yang disediakan untuk menjaga kebajikan OKU Negeri Kelantan

**JAWAPAN : (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)**

**Soalan sama seperti dikemukakan oleh YB TUAN HARUN BIN ISMAIL - TAWANG**

### 32. YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL - SALOR

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah bilangan pusat sokongan keluarga atau kaunseling kekeluargaan di setiap jajahan?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik bagi alternatif kepada penubuhan Pusat Sokongan Keluarga untuk kemaslahatan institusi kekeluargaan di negeri Kelantan khususnya. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mempunyai 11 buah Pusat Sokongan Keluarga iaitu Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) termasuklah Mawaddah Centre @PKKSK yang terletak di hadapan stesyen bas Kota Bharu dan Baitul Hijrah di Tanah Merah sebagai pusat bimbingan untuk remaja wanita yang bermasalah dan terjebak dengan gejala sosial. Tujuan penubuhan pusat-pusat ini ialah untuk mengatasi masalah sosial masyarakat Islam di negeri Kelantan. Pelaksanaan kepada pusat ini adalah berpandukan 10 modul PKKSK antaranya melibatkan topik kekeluargaan iaitu modul Kemahiran Keibubapaan dan Pengurusan Konflik Keluarga. Pusat ini masih lagi beroperasi di setiap jajahan seluruh negeri Kelantan dengan diselia oleh 35 orang fasilitator @ pemudahcara yang dilantik oleh JAHEAIK. Namun pusat ini masih dalam usaha untuk ditambah baik dari semasa ke semasa dari segi stuktur pentadbiran, bayaran elaun para fasilitator, punca atau sumber kewangan, kemudahan fasiliti dan sebagainya bagi memberikan perkhidmatan yang optimum dan berkualiti kepada lebih ramai penduduk setempat.

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah menubuhkan sebuah pusat sokongan keluarga yang dinamakan Mawaddah Centre, yang terletak di Jajahan Kota Bharu. Sebelum ini, pusat ini dikenali sebagai Pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti (PKKSK) dan diuruskan sepenuhnya oleh JAHEAIK.

Bagi meningkatkan keberkesanan peranan pusat ini, Kerajaan Negeri melalui U-KeKWa telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dan melengkapkan kemudahan yang ada agar ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan dan aktif sebagai pusat keluarga. Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menambah tiga lagi Mawaddah Centre, iaitu di Kuala Krai, Pasir Puteh dan Pasir Mas.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Selain itu, kerjasama dengan NGO setempat mampu memberi impak yang lebih besar kepada rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan **Jawatankuasa Mawaddah Support Team (MST)** di setiap kawasan Parlimen. Penubuhan MST Parlimen ini bermula pada tahun

2020 sebagai satu platform untuk mengenal pasti dan menyuarakan masalah, isu serta keperluan keluarga dalam usaha menjaga kepentingan dan kemaslahatan ummah. MST Parlimen diletakkan di bawah pemantauan **Majlis Pembangunan Keluarga Mawaddah (MPKM)** Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan.

MST berperanan sebagai penyokong utama kepada agensi kerajaan, NGO dan NGI yang terlibat secara langsung dalam usaha pemerkasaan keluarga dengan meletakkan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan sebagai salah satu teras penting pembangunan negeri secara menyeluruh. Penubuhan MST ini juga telah menggalakkan penglibatan golongan sukarelawan dalam program pembangunan keluarga. Inisiatif dan peranan golongan ini amat penting sebagai agen mendidik masyarakat ke arah semangat bekerjasama, saling mengambil berat dan tolong-menolong berlandaskan prinsip *takaful al-ijtima'i*.

Jawatankuasa ini juga dapat membantu pusat sokongan atau kaunseling kekeluargaan sedia ada dengan menyelaras pelbagai program dan aktiviti untuk masyarakat setempat merangkumi kanak-kanak, remaja, belia, golongan dewasa serta warga emas mengikut kepakaran masing-masing. Perkhidmatan nasihat dan kaunseling kekeluargaan turut disediakan di premis sedia ada dengan persekitaran yang lebih selesa dan kondusif bagi menerima klien yang berhadapan dengan pelbagai masalah dan konflik kehidupan.

Di Kelantan, terdapat **lapan Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK)** yang diwujudkan bagi membantu pusat sokongan keluarga atau kaunseling kekeluargaan di setiap jajahan:

| BIL | LOKASI PKKSK                             | TAHUN PENUBUHAN |
|-----|------------------------------------------|-----------------|
| 1.  | Masjid Jamek Sultan Muhammad II, Telipot | 1 Mei 2001      |
| 2.  | Badang, Kota Bharu                       | 1 Julai 2003    |
| 3.  | Pendek, Kota Bharu                       | 2010            |
| 4.  | Masjid Petra Bandar Tanah Merah          | 22 Jun 2011     |
| 5.  | Masjid Mahmudi, Bachok                   | 29 Jun 2011     |
| 6.  | Masjid Sultan Yahya Petra Bandar Machang | 12 Julai 2021   |
| 7.  | Masjid Bandar Pasir Mas                  | 26 Jun 2014     |
| 8.  | Baitul Hijrah                            | Januari 2015    |
| 9.  | Mawaddah Centre, Kota Bharu              | 16 April 2022   |

Kewujudan PKKSK ini dapat membantu Pusat sokongan keluarga atau kaunseling kekeluargaan di setiap jajahan.

**33. YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN - DABONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah hala tuju Kerajaan Negeri terhadap penggunaan tanah terbiar dan tanah rizab untuk di majukan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keperluan dan kesesuaian dari semasa ke semasa bagi mewujudkan TKPM baharu di lokasi yang sesuai sebagai penambahan bagi TKPM sedia ada; TKPM Telong, Bachok, TKPM Batang Merbau, Tanah Merah dan TKPM Lojing.

**34. YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN - BUNUT PAYONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status pembangunan bekas tapak Flat Kampung Sireh dan apakah cadangan Pembangunan di tapak tersebut dan bilakah perancangan dijangka siap sepenuhnya.

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah bersetuju untuk Flat Kampung Sireh dirobohkan segera oleh pihak Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Operasi Penguatkuasaan bersepadu bersama agensi/jabatan penguatkuasaan dan teknikal dijangka akan dilaksanakan pada akhir bulan Julai bagi mengosongkan saki baki penghuni haram dan peniaga di kawasan Flat Kampung Sireh sebelum kerja-kerja pemasangan 'hoarding' dan kerja-kerja perobohan dilakukan oleh pihak Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri turut bersetuju supaya pihak Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) mengubah konsep pembangunan semula kawasan tersebut daripada konsep taman rekreasi kepada konsep perumahan.